



# Tiada pelajar di Yaman

## Mains tidak taja anak Negeri Sembilan lanjutkan pelajaran di Yaman

■ NUR SHARIEZA ISMAIL

**NILAI** – Tiada pelajar anak Negeri Sembilan di bawah tajaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) dihantar melanjutkan pengajian ke Yaman.

Bagaimanapun, Menteri Besar yang juga Pengerusi Mains, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, beliau tidak mempunyai maklumat jika ada rakyat Negeri Sembilan atau pelajar persendirian lain tinggal di negara bergolok itu.

"Kami tidak hantar pelajar Negeri Sembilan di bawah tajaan Mains ke Yaman sebaliknya ke Jordan, Mesir dan Maghribi," katanya selepas diminta mengulas mengenai sama ada ter-

dapat pelajar mahupun rakyat Negeri Sembilan tergolong dalam kumpulan penghantaran semula ke tanah air berikutan pergolakan yang berlaku di Yaman.

Beliau berkata, jumlah penghantaran pelajar ke Mesir juga sudah semakin dikurangkan dan berkemungkinan dalam tempoh lima hingga enam tahun akan datang tiada lagi pelajar tajaan Mains ke negara itu.

"Bagaimanapun, \* kita memperbanyakkan penghantaran pelajar anak Negeri Sembilan tajaan Mains ke Maghribi.

Akan ada waktunya nanti, kita tidak akan hantar pelajar tajaan Mains lanjut-

kan pengajian ke mana-mana, di Usim pun boleh. Tidak payah jauh-jauh," katanya dalam sidang media selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Penyerahan Basikal di Kompleks Sukan Tuanku Najihah di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah Usim, Tan Sri Datuk Dr Abdul Shukur Husin dan Naib Canselor Usim, Prof. Datuk Dr Musa Ahmad. Dalam majlis itu, Mohamad turut telah menyempurnakan penyerahan 50 buah basikal melalui Yayasan Negeri Sembilan kepada Usim.



Mohamad menunjukkan tanda bagus selepas menyempurnakan penyerahan 50 buah basikal kepada Usim.